

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' ROSOL BIN WAHID
[HULU TERENGGANU]**

SOALAN NO. 98

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian memperluas projek perumahan sekitar Terengganu yang bertepatan dengan beberapa skim yang pernah diperkenalkan sebelum ini seperti Skim Perumahan Belia BSN dan Skim Pinjaman Perumahan (SPP).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat satu projek Program Perumahan Rakyat (PPR) telah disiapkan di Terengganu iaitu di Padang Hiliran pada tahun 2014 dengan 1,002 unit rumah. Sementara itu, satu projek PPR masih dalam pembinaan iaitu di Kuala Nerus dan dijangka disiapkan mengikut jadual pada 16 April 2021. Projek ini akan menyediakan sebanyak 500 unit rumah kepada golongan berpendapatan rendah B40 dan setinggan.

2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, terdapat beberapa program perumahan mampu milik sedia ada di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang mensasarkan golongan berpendapatan rendah (B40) dan golongan berpendapatan sederhana (M40) untuk memiliki rumah pertama antaranya Skim

Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome) dan Skim Perumahan Mampu Milik Swasta 2.0.

3. Di bawah Skim MyHome, pemaju diberikan insentif sebanyak RM30,000 bagi projek perumahan berharga tidak melebihi RM300,000 khas untuk pembeli rumah pertama yang pendapatan isi rumah tidak melebihi RM10,000.

4. Manakala melalui Skim Perumahan Mampu Milik Swasta 2.0 pula, pemaju diberikan insentif sehingga 10% daripada harga jualan rumah atau maksimum RM30,000 (mengikut mana yang terendah) bagi unit rumah berharga tidak melebihi RM500,000 khas untuk pembeli rumah pertama berpendapatan isi rumah RM15,000 dan ke bawah.

5. Untuk makluman Yang Berhormat, skim ini merupakan langkah Kerajaan untuk menggalakkan sektor swasta membina lebih banyak rumah mampu milik yang memberi faedah kepada pembeli-pembeli rumah pertama dan pemaju-pemaju swasta. Sehingga 31 Ogos 2019, belum ada projek di bawah Skim MyHome dan MyHome 2.0 di Terengganu.

Sekian, terima kasih.